



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN EMPAT (4) LAGI KES POSITIF** **COVID-19**

1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **empat (4)** lagi kes positif COVID-19. Daripada 4 kes tersebut, 2 kes dari Daerah Kuching dan 2 kes dari Daerah Tebedu . Manakala 38 daerah lain tidak ada kes yang dilaporkan.

Manakala **16 kes** telah sembuh dan discaj dari hospital. Kesemua 16 kes tersebut adalah dari Hospital Umum Sarawak. Daripada jumlah keseluruhan kes, 64.58 % kes positif COVID-19 telah sembuh dan pulang ke rumah masing-masing.

Bilangan PUI hari ini adalah sebanyak **40 kes**. Jumlah PUI yang masih menunggu keputusan makmal adalah sebanyak **20 kes**.

Terdapat dua (2) penambahan kes melibatkan Petugas Kesihatan Kuching menjadikan jumlah seramai 68 orang Petugas Kesihatan Kuching telah disahkan positif COVID-19. Daripada jumlah tersebut, seramai 22 yang merupakan sebahagian daripada Kluster Kuching Conference dan baki 46 orang adalah mereka yang melibatkan kluster-kluster kecil.

Kes Terdahulu	538		Kes sedang dirawat di hospital	172	31.73%
Kes Baharu	4		Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	3	0.55%
KES POSITIF KESELURUHAN			Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	3	0.55%
Jumlah	542		Jumlah kes kematian	17	3.14%
IR per 100,000 penduduk	17.57		Kes telah sembuh dan discaj	350	64.58%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Jumlah
Negatif	101	5,209		40	5,771
Menunggu keputusan	13	20			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Berikut adalah 6 kriteria yang perlu diteliti sebelum keputusan membenarkan sektor ekonomi dibuka.

A. Penyebaran penyakit adalah terkawal

Sarawak telah berjaya mencapai Kadar 1.38 Kejadian Mingguan Kes (*Weekly Incident Rate*) hanya pada minggu ke-18 jika dibandingkan dengan pencapaian di peringkat nasional iaitu 1.32.

B. Kapasiti Kesihatan Sedia Ada

Sarawak telah menggunakan sepenuhnya kapasiti kesihatan sedia ada dengan melakukan aktiviti seperti:

- a) Mengesan, menyaring, mengasing dan menjejak semua kontak rapat yang telah dikenalpasti.
 - i. Bagi aktiviti mengesan, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh JPBN iaitu telah membangunkan sistem pemberitahuan di atas talian, pengesanan secara aktif (ACD) dan Menubuhkan

Pasukan Bertindak untuk memperhebatkan penjejakan kontak.

- ii. Aktiviti menyaring pula, tempoh keputusan adalah dari 48-72 jam bergantung kepada bilangan sampel.
 - iii. JPBN telah menempatkan seramai 7,712 *Person Under Investigation* (PUI) di 53 buah pusat kuarantin seluruh Sarawak. Manakala seramai 5,972 *Person Under Surveillance* (PUS) telah ditempatkan di 31 buah hotel bagi rakyat Sarawak yang balik dari Luar Negara, Semenanjung, Sabah dan Labuan sebelum mereka boleh balik ke rumah masing-masing.
 - iv. Aktiviti Penjejakan Kontak pula, pihak SAINS dan SMA telah membangunkan aplikasi CovidTrace untuk mengesan kontak yang dikhuatiri dan pesakit COVID-19 sedia ada.
 - v. Kesiapsiagaan Hospital bagi merawat pesakit COVID-19 telah disediakan sebelum kes pertama dilaporkan. Sarawak telah menyediakan 4 buah hospital utama COVID-19 iaitu Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu, Hospital Bintulu dan Hospital Miri untuk merawat kes COVID-19.
 - vi. Manakala peralatan perlindungan diri (PPE) boleh bertahan lebih dari 30 hari lagi.
- b) Kesemua kes, positif COVID-19 telah dirawat di 4 Hospital Utama dan sebanyak 350 kes bersamaan dengan 64.58% kes telah sembuh discaj dari hospital.

C. Risiko Wabak diminimumkan dalam keadaan khas

a) Fasiliti Kesihatan

Bagi mengawal petugas kesihatan yang dijangkiti COVID-19, garis panduan yang lebih ketat telah dikeluarkan bagi mengurangkan bilangan petugas kesihatan yang dijangkiti.

b) Rumah Penjagaan

Manakala keselamatan dan kesihatan bagi pusat-pusat rumah penjagaan, perlu memastikan rumah penjagaan melaksanakan langkah pencegahan.

D. Langkah pencegahan telah dilaksanakan

a) Tempat Kerja

b) Sekolah

c) Tempat lain yang lazim dikunjungi seperti supermarket dan pasaraya.

E. Kes Import Terkawal (Kuarantin dan Saringan)

a) Warga asing masih tidak dibenarkan masuk ke Sarawak.

b) Semua warga Sarawak yang balik dari Luar Negara, akan dikuarantin di pusat kuarantin.

c) Semua warga Sarawak yang balik Semenanjung, Sabah dan Labuan akan dikeluarkan *Stay Home Notice*.

d) Kawalan di pintu masuk di sempadan juga diperketatkan.

F. Masyarakat telah dididik sepenuhnya

- a) dilibatkan bersama dan diberi kuasa untuk menyesuaikan diri dengan norma baru

Selepas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri meneliti laporan yang telah dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, JPBN memutuskan untuk membenarkan aktiviti sektor ekonomi dibuka dan dibenarkan beroperasi mulai 12 Mei 2020 di seluruh Negeri Sarawak. Garis Panduan (SOP) pengoperasian telah disediakan dan sedang dimaklumkan kepada semua pihak yang terlibat yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan aktiviti-aktiviti yang dilarang. Mana-mana pihak yang berhasrat untuk membuka semula aktiviti-aktiviti ekonomi hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian masing-masing.

JPBN yakin arahan baru untuk membuka aktiviti sektor ekonomi akan memberi kelegaan kepada rakyat jelata yang selama ini telah terjejas punca pendapatan sepanjang Tempoh Pergerakan dikuatkuasakan sejak 18 Mac yang lalu.

Walaupun bagaimanapun, keputusan ini dibuat tidak bermakna Kerajaan Negeri Sarawak mengabaikan aspek kesihatan. Kedua-dua aspek kesihatan dan ekonomi diambilkira demi kepentingan semua pihak. Oleh itu garis panduan (SOP) pengoperasian sektor ekonomi yang ketat telah disediakan bagi memastikan langkah-langkah pematuhan dan pencegahan dipatuhi.

Pihak penguatkuasaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, RELA akan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan (SOP). Tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan isu yang tular di media sosial yang mengatakan bahawa Semua sekatan jalan raya di Sarawak akan ditutup serta merta mulai jam 6 petang 8 Mei 2020 dimana PDRM dan ATM hanya akan melakukan rondaan di bandar setelah sekatan jalan raya ditutup. Manakala untuk rentas sempadan di Sarawak, tidak perlu untuk memohon permit perjalanan daripada Polis adalah **TIDAK BENAR**.

Untuk situasi di Sarawak, Larangan pergerakan antara Daerah adalah masih kekal. Pihak Polis akan mendirikan sekatan jalan raya di semua sempadan Daerah utk mengawal pergerakan orang antara Daerah dan orang ramai masih perlu memohon kebenaran polis untuk pergerakan antara Daerah.

(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

09 MEI 2020

3.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		146	14	9	3	172
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		2	1	0	0	3
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)		2	1	0	0	3
Jumlah kes kematian		15	0	0	2	17
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	16	0	0	0	16
	Kumulatif	305	14	3	28	350
Jumlah kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		8	7	2	0	17

DAERAH MERAH (1)										
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	
1	Kuching	15	3564	2	328	9	226	0	10	92
Jumlah		15	3564	2	328	9	226	0	10	92

DAERAH KUNING (9)										
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	
1	Samarahan	6	467	0	96	5	53	0	4	39
2	Tebedu	2	6	2	3	0	1	0	0	2
3	Lundu	6	36	0	1	0	0	0	0	1
4	Sibu	0	96	0	6	0	4	0	0	2
5	Miri	7	419	0	23	0	20	0	1	2
6	Bau	1	127	0	5	0	1	0	0	4
7	Serian	0	263	0	19	1	10	0	0	9
8	Bintulu	1	212	0	12	0	3	0	0	9
9	Limbang	0	27	0	9	0	7	0	1	1
Jumlah		23	1653	2	174	6	99	0	6	69

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (30)										
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	
1	Simunjan	0	45	0	7	1	7	0	0	0
2	Asajaya	0	37	0	5	0	4	0	0	1
3	Sri Aman	0	34	0	3	0	2	0	1	0
4	Betong	0	154	0	16	0	6	0	0	10
5	Lawas	0	12	0	1	0	1	0	0	0
6	Mukah	0	31	0	1	0	0	0	0	1
7	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0
8	Sarikei	0	89	0	6	0	4	0	0	2
9	Saratok	0	20	0	0	0	0	0	0	0
10	Pusa	0	6	0	0	0	0	0	0	0
11	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0
12	Lubok Antu	2	13	0	0	0	0	0	0	0
13	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0
14	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0
15	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Tatau	0	5	0	0	0	0	0	0	0
19	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0
20	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0
21	Daro	0	3	0	0	0	0	0	0	0
22	Tanjung Manis	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kapit	0	27	0	0	0	0	0	0	0
24	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0
25	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0
26	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Marudi	0	6	0	0	0	0	0	0	0
28	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	554	0	40	1	25	0	1	14

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

(Data sehingga 09.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,273)	Hock Lee	196
2		Rajah Court Dormani	0
3		Kuching Park	137
4		Pullman	321
5		Hilton	63
6		Harvour View	272
7		Waterfront	250
8		Riverside (Astana Wing)	274
9		Riverside (Puteri Wing)	206
10		Grand Margherita	260
11		Imperial Boulevard	294
12	Miri (612)	Mega	86
13		Somerset	17
14		Ostay Inn	12
15		Cosy Inn	16
16		Imperial Palace	232
17		Eastwood Resort	57
18		Imperial	87
19		Kingwood	0
20		Paragon	30
21		Meritz	46
22		Miri Hotel	29
23	Bintulu	Wasan Inn	17

24	(174)	Park City Everly	82
25		Fairfield By Marriott	75
26	Limbang	Purnama	96
27	(216)	Seri Malaysia (Lawas)	76
28		Shangsan	40
29		Mandarin	4
30	Sibu	RH Hotel	158
31	(251)	Premier Hotel	93
Jumlah PUS			3,526

3. LAPORAN PBT DAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **9 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **503 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 09.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	171
2	Miri	98
3	Bintulu	43
4	Limbang	39
5	Sarikei	34
6	Samarahan	28
7	Sri Aman	24
8	Sibu	17
9	Kapit	19

10	Betong	15
11	Serian	11
12	Mukah	4
Jumlah		503

Selain daripada itu juga Unit Kesihatan Awam dari PBT telah melaksanakan program nyahcemar di **62 lokasi** oleh 8 PBT yang menjadi tumpuan orang ramai seperti berikut:

(Data sehingga 09.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	PBT	LOKASI
1	MBKS	1
2	DBKU	5
3	MPP	4
4	MP Kota Samarahan	1
5	MD Serian	3
6	MD Simunjan	1
7	MDSA	4
8	MD Saratok	6
9	MP Sibul	10
10	BDA	4
11	MDMD	5
12	MB Miri	15
13	MD Limbang	3
Jumlah		62